

WATAN, SELASA 8 SEPTEMBER 1981

Ulasan  
buku  
Oleh  
Ghani  
Ahmad

*SIAPA MANUSIA  
'MATERIALIS'  
MENURUT MAHATHIR*

1  
Muka 18

**DR. MAHATHIR MOHAMAD** dilahirkan pada 20 Disember 1925 di Alor Star, Kedah. Bergiat dalam politik sejak di bangku sekolah dengan menyertai Pergerakan Menentang Malayan Union pada tahun 1945.

W Beliau telah memperlihatkan bakat kepemimpinannya sejak tahun 1946 ketika berusia 21 tahun, dengan menulis rencana-rencana mengenai politik bangsa Melayu dalam akhbar The Sunday Times.

Beliau menyertai UMNO ketika parti itu ditubuhkan pada tahun 1946 dan menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1964. Tetapi kerana pendapatnya yang tajam dan tegas beliau telah dipecat dari UMNO pada tahun 1969 dan kembali semula ke dalam parti itu tiga tahun kemudian.

Ketegasan dan ketajaman cara berfikir Dr. Mahathir dapat dilihat bila beliau memegang jawatan Perdana Menteri berikutan dari perletakan jawatan Tun Hussein Onn baru-baru ini.

Tindakan-tindakannya menghentikan pembaziran wang negara dan arahan-arahannya supaya kakitangan kerajaan datang tepat waktu adalah di antara

bukti ketegasan dan ketajaman cara berfikir Perdana Menteri Malaysia yang baru ini.

Bila menyebut tentang style atau cara bertindak Dr. Mahathir, orang jarang terlepas dari mengaitkannya dengan sebuah buku karya beliau yang pernah diharamkan 'The Malay Dilemma'. Sebuah buku yang diterbitkan ketika beliau terpecat dari UMNO.

Buku 'The Malay Dilemma' setakat ini bertulis dalam bahasa Inggeris. Belum terdapat edisi dalam Bahasa Malaysia.

Bagaimanapun terdapat sebuah lagi buku hasil karya Dr. Mahathir Mohamad yang bertulis dalam Bahasa Malaysia, berjudul MENGHADAPI CABARAN. Buku ini diterbitkan di Kuala Lumpur.

Berukuran 21cm x 14cm, MENGHADAPI CABARAN mengandungi 200 muka surat. Ia memuatkan koleksi 15 tajuk, pendapat dan analisa yang pernah diutarakan oleh Dr. Mahathir dalam majlis-majlis ceramah, mesyuarat, perbincangan dan dialog dalam masyarakat Melayu, bukan Melayu, para pelajar, ahli-ahli

# Dalam masyarakat sosialis tidak sunyi dengan rampasan harta

ekonomi dan tokoh-tokoh politik dalam dan luar negeri.

Dalam buku ini Dr. Mahathir menyentuh tiga bidang yang mempunyai kaitan rapat, iaitu mengenai orang Melayu, agama mereka dan politik mereka.

Menurut Dr. Mahathir, dalam kata-kata pendahulunya, ketiga-tiga faktor ini; Nasionalism, agama dan politik adalah kuasa utama yang menggerakkan masyarakat manusia.

'Tumpuan kepada tiga kuasa penggerak ini adalah disengajakan kerana bangsa Melayu menghadapi cabaran yang besar di zaman moden ini. Samada mereka berjaya mengatasi cabaran-cabaran itu ataupun tidak, bergantung kepada pengertian mereka tentang peranan dan kesan kuasa-kuasa ini.

'Tidaklah keterlaluan ji-

kaya dan yang miskin bertambah miskin' digubal dan dilayangkan oleh orang-orang Sosialis di Barat. Cogankata ini telah menular ke seluruh dunia dan di antara orang-orang dan masyarakat yang terperangkap dengan cogankata ini ialah orang-orang Melayu di Malaysia.

.....Sosialisme tidak secara langsung menentang agama dan ada kalanya di dapati seolah-olah secocok dengan agama, termasuklah agama Islam. Persaudaraan dan persamaan antara manusia dengan manusia bukan sahaja tidak bertentangan dengan Islam tapi sebenarnya adalah sebahagian dari asas Islam.

Tetapi asas persaudaraan dan persamaan sosialis ialah kebendaan yang tidak menitik-beratkan kerohanian. Dan ini amat berbeza dari asas persaudaraan dan persamaan dalam Islam'. Tegas Dr. Mahathir lagi.

'Dalam fahaman Sosialis tidak cukup manusia dilahirkan sama tetapi persamaan meterial secara te-

ka dikatakan kesalahan dalam memahami atau menggunakan kuasa-kuasa ini boleh melemah, bahkan menghancurkan bangsa mereka.

'Sejarah telah membuktikan bagaimana bangsa-bangsa seperti; Babylonia, Assyria, Macedonia, Carthagenia yang begitu kuat dan maju-jaya telah hilang dari muka bumi ini.

'Sudah tentu bangsa yang lemah seperti orang Melayu akan lebih mudah hapus jika mereka kurang faham tentang kuasa-kuasa yang ada pada mereka dan, kerana terdorong oleh nafsu, menyalahgunakan kuasa itu'. Tegas Dr. Mahathir.

## HARTA

Di bawah jodol 'Yang miskin bertambah miskin, yang kaya bertambah kaya', Dr. Mahathir berkata: 'Masyarakat materialis (kebendaan) memandang kepada pemilikan harta kekayaan sebagai asas suka-duka manusia. Lebih banyak harta atau perolehan, lebih gembiralah, kononnya manusia. Dan sebaliknya pemilikan harta atau punca kekayaan yang kurang bermakna kecelakaan, kehinaan dan penderitaan.

'Berasas kepada fahaman dan nilai materialis inilah maka satu cogankata digubah untuk mempengaruhi emosi dan fikiran masyarakat. Cogankata inilah 'yang kaya bertambah

pat mesti wujud sebelum keadilan di anggap tercapai.

'Oleh kerana persamaan material menjadi tumpuan mereka, maka setiap masa mereka mengukur dan membanding pemilikan harta kekayaan yang ada pada tiap seorang ahli masyarakat. Dan tiap kali mereka banding, akan terjumpalah mereka dengan kepincangan dan perbezaan yang tidak dapat tidak mesti wujud dalam apa jua masyarakat manusia.

'Oleh sebab perbezaan ini maka masyarakat sosialis tidak boleh sunyi dari rebutan dan rampasan harta sepanjang masa'. Tegas Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir juga telah mengulas dengan panjang lebar 'dilema' yang dihadapi oleh orang-orang Melayu, khususnya dalam bidang pelajaran.

Menurut Dr. Mahathir, desakan orang Melayu supaya diberikan lebih banyak peluang pelajaran kepada anak-anak mereka memang sesuai dengan semangat keislaman mereka dan memberi gambaran bahawa pendirian mereka terhadap pelajaran adalah positif dan tegas.

'Sebenarnya, jika dikaji dan diteliti, orang Melayu masih belum dapat memastikan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Pelajaran dan apakah sikap yang patut mereka amalkan terhadapnya'. Tegas Dr. Mahathir.

indrayana alagna heb arist

Dan beliau menyambung, 'orang-orang Melayu masih khuatir pelajaran seperti yang diberikan di sekolah dan institusi pelajaran tinggi mungkin membentuk nilai-nilai baru yang tidak sesuai bagi mereka. Disebaliknya pula mereka takut tanpa pelajaran mereka akan ketinggalan zaman dan tidak akan hidup sempurna.

'Dilema ini menjadi lebih rumit kepada orang-orang Melayu kerana me-

reka berada di sebuah negara berbilang kaum. Sesuatu langkah yang silap mungkin melipat-gandakan jurang perbezaan antara mereka dengan kaum-kaum lain'. Tegas Dr. Mahathir.

Membicarakan tentang 'kerohanian dan cabaran moden' Dr. Mahathir berkata pada pendapatnya keinginan seseorang memiliki harta benda, selagi tidak sampai ke peringkat sangup berbuat apa saja untuk menambah kekayaannya,

bukan seorang materialis.

Hakikat ini, kata Dr. Mahathir, perlu ditekan, kerana masyarakat mudah dikeliru dengan anggapan dan tafsiran bahawa kemiskinan bermakna kukuh kerohanian dan kekayaan di dunia adalah sama dengan materialisme.

'Manusia', tegas Dr. Mahathir, 'tidak dapat mengelak daripada mempunyai harta. Pengemis pun memiliki harta, walaupun ia mempunyai sehelai kain

di pinggang. Tapi ini tidak bermakna ia tamak kepada kebendaan ataupun dianya materialistik!' (Muka Surat 130).

Mengenai 'orang-orang Melayu dengan pengaruh komunis' Dr. Mahathir mengingatkan, kita tidak boleh begitu yakin lagi bahawa keislaman orang Melayu akan kekal sebagai benteng pertahanan terha-

**LIHAT MUKA 23  
Ruangan 1**

#### DARI MUKA 13

dap komunis.

'E. Indonesia umpamanya, ramai orang-orang Islam pernah sanggup bermati-matian untuk menayakan hasrat komunis. Di beberapa negara Arab dan Albania ada orang Islam telah menolak Islam dan mendirikan pemerintahan yang berideologikan komunis atau separuh komunis. Di selatan Soviet Union orang keturunan Islam sudah tidak percayakan Islam lagi hasil diangguh komunis setelah mereka menawan wilayah-wilayah ini.

'Dan sebenarnya penyerapan fahaman komunis di kalangan orang Islam sudah tidak begitu ganjil atau sukar. Secara langsung penyerapan fahaman komunis tidak mudah berlaku, tetapi secara tidak langsung penyerapan ini tidak begitu sukar. Dan di Malaysia tanda-tanda sudah pun timbul bahawa proses ini sudah lama berjalan dan memberi kesan kepada perjuangan komunis'. Tegas Dr. Mahathir.

**MENGHADAPI CABARAN** patut dibaca oleh setiap orang yang ingin mengenali dari dekat sikap dan pandangan Perdana Menteri Malaysia yang baru, Dr. Mahathir Mohamad. Buku ini telah mengalami cetakan keduanya pada tahun 1980 dan diterbitkan oleh Pustaka Antara, Kuala Lumpur.